## DAFTAR PENGGUNA

Sistem Pendaftaran Pertubuhan Belia (eROY) boleh diakses melalui :- http://eroyv2.gov.my Laman utama seperti di Gambarajah 1 akan dipaparkan. Untuk penggunaan kali pertama, sila mendaftar melalui menu ‘**Daftar Pengguna**’ atau perkataan ‘**di sini**’ pada keterangan seperti anak panah pada Gambarajah 1.




Gambarajah 1 : Laman Utama Sistem eROY v2

## 1. DAFTAR PENGGUNA

Laman Daftar Pengguna akan dipaparkan seperti Gambarajah 2.




Gambarajah 2 : Laman Pendaftaran Pengguna (Untuk Log Masuk)

Sila masukkan butir-butir maklumat yang diperlukan :

- **Nama Penuh** (Setiausaha Pertubuhan)
- **No.Kad Pengenalan** (Tidak termasuk tanda (-) )
- **E-Mel** (Akaun emel yang aktif)
- **Katalaluan** (Gabungan huruf: A-Z a-z, nombor: 0-9, simbol: @#$*?!, Minimum 12 aksara, Maksimum 20 aksara)

Semua butiran di atas adalah wajib diisi. Klik butang 

selepas mengisi butiran di atas. Untuk makluman, pendaftaran no.kad pengenalan hanyalah sekali sahaja. Mesej Gambarajah 3 akan dipaparkan.




Gambarajah 3 : Mesej Pemberitahuan - Pendaftaran berjaya disimpan

Notifikasi emel seperti Gambarajah 4 akan dihantar kepada emel pengguna untuk pengesahan akaun melalui emel yang di daftarkan. Semak *folder SPAM/JUNK mail* sekiranya emel tidak diterima di dalam *INBOX.*




Gambarajah 4 : Emel Pengesahan Pendaftaran Pengguna

Klik pada pautan seperti anak panah di atas untuk mengesahkan pengaktifan akaun emel anda dan sistem akan memaparkan mesej seperti Gambarajah 5 sebagai tanda pengesahan telah berjaya.




Gambarajah 5 : Mesej Pemberitahuan - Pengesahan emel berjaya diaktifkan